

LOVE SCAM: SEJAUH MANAKAH UNDANG-UNDANG MELINDUNGI MANGSA LOVE SCAM DI MALAYSIA?

LOVE SCAM: TO WHAT EXTENT DOES THE LAW PROTECT VICTIMS OF LOVE SCAMS IN MALAYSIA?

¹Siti Zalzaliza Zulkhafri*
²Nazura Abdul Manap
³Ramalinggam A/L A. Rajamanickam

¹Postgraduate Student, Faculty of Law, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

²Professor, Faculty of Law, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

³Professor, Faculty of Law, Multimedia University of Malaysia, Malaysia

*Corresponding author: ctzz_313@yahoo.com **

ABSTRAK

Kemajuan teknologi seperti Internet dan media sosial memainkan peranan penting dalam dunia teknologi maklumat kerana secara tidak langsung membantu menyediakan saluran komunikasi dan maklumat terkini kepada pengguna di seluruh dunia. Di Malaysia, penggunaan teknologi seperti telefon pintar dan komputer riba telah menyumbang kepada peningkatan penggunaan Internet dan media sosial dalam kalangan masyarakat. Walaupun terdapat manfaat dari aspek pembangunan teknologi maklumat selaras dengan arus kemodenan semasa, inovasi teknologi ini juga merupakan antara cabaran terbesar kepada masyarakat. Hal ini kerana penggunaan teknologi seperti Internet dan media sosial boleh mendatangkan kemudaratan atau masalah kepada pengguna, sama ada dari sudut sosial mahupun undang-undang. Antaranya, penggunaan teknologi dan media sosial telah menyumbang kepada isu penipuan cinta, atau dikenali sebagai cyber love scam, yang melibatkan wanita, remaja dan golongan rentan lain. Perkembangan undang-undang perlu dinilai bagi menentukan sama ada undang-undang sedia ada mampu bertindak secara menyeluruh dalam melindungi mangsa penipuan cinta. Oleh itu, artikel ini membincangkan sejauh mana undang-undang semasa dapat melindungi mangsa penipuan cinta dengan menilai sama ada undang-undang sedia ada mencukupi untuk menangani jenayah tersebut. Walaupun Malaysia mempunyai undang-undang yang berkaitan, jenayah penipuan cinta ini terus menunjukkan peningkatan dari segi jumlah kes. Perbandingan dengan negara lain seperti Australia dan United Kingdom adalah penting untuk melihat sejauh mana undang-undang di negara-negara tersebut menangani isu penipuan cinta ini. Kesimpulannya, walaupun ketiga-tiga negara mempunyai undang-undang yang mengawal jenayah penipuan cinta, masih terdapat kekurangan perlindungan undang-undang terhadap mangsa penipuan cinta secara menyeluruh.

Kata kunci: Kemajuan teknologi, penipuan cinta, cyber love scam, Internet, media sosial, undang-undang.

ABSTRACT

Technological advancements such as the Internet and social media play a crucial role in the world of information technology as it indirectly help in providing communication channels and the latest information to users around the world. In Malaysia, the use of technology, such as smartphones and laptops has contributed to the increase in the use of the Internet and social media among the community. Although there are benefits in terms of development of information technology in line with current modernity, however, this technological innovation is also one of the society's biggest challenges. This is because the use of technology, such as the Internet and social media, can bring harm or problems to users either from a social or legal standpoint. Among them, the use of technology and social media has contributed to issues of love scams (also known as cyber love scams) involving women, teenagers and other vulnerable groups. Legal developments need to be measured to assess whether

existing laws can act comprehensively in protecting the victims of love scams. Therefore, this article discusses the extent to which current laws can protect the victims of love scams by assessing whether current laws are sufficient to combat love scams. Although there are existing laws in Malaysia, however, this love scam crime continues to increase in number. Comparison with other countries, such as Australia and the United Kingdom is important to see how far the laws in those countries deal with this love scam issue. Indeed, it can be concluded that although all three countries have laws that regulate this crime of love scams, however, there is still insufficient legal protection for the victims of love scams as a whole.

Keywords: Technological advancements, love scams, cyber love scams, internet, social media, law.

PENGENALAN

Penipuan cinta siber atau ‘*love scam*’ merujuk kepada istilah yang digunakan bilamana penjenayah atau penipu mencipta dan menggunakan identiti palsu di alam maya atau secara atas talian untuk menjalinkan hubungan cinta dan seterusnya memperdaya mangsa bagi mendapatkan keuntungan. Jenayah *love scam* ini juga merupakan salah satu bentuk jenayah komersial di Malaysia. Menurut Majlis Keselamatan Negara, *love scam* ini merupakan modus operandi yang sering digunakan oleh sindiket penipuan memandangkan ia merupakan antara alternatif yang paling berkesan serta cepat dalam memerangkap dan memperdaya mangsa. Hal ini demikian kerana, mangsa kebiasaannya mudah termakan dengan kata-kata manis atau janji palsu yang ditaburkan oleh pelaku jenayah *love scam*. Kebanyakan mangsa juga telah ‘mabuk cinta’ dengan pelaku jenayah itu sendiri sehingga menyebabkan mereka tertipu dan mengalami kerugian melangkaui jutaan ribu ringgit. Antara strategi yang digunakan oleh sindiket *love scam* ini adalah mencipta dan menggunakan identiti diri yang palsu yang berpewatakan menarik, mengenali mangsa di media sosial dan menaburkan kata-kata manis dan janji palsu. Atas dasar kepercayaan mangsa terhadap pelaku jenayah *love scam* ini, mangsa kemudiannya memindahkan sejumlah wang ke dalam akaun pelaku dan seterusnya pelaku jenayah ini akan menghilangkan diri. Ini menyebabkan mangsa mengalami kerugian sehingga mencecah jutaan ringgit.

Selain daripada mencipta dan menggunakan identiti palsu yang berpewatakan menarik, pelaku jenayah *love scam* ini juga menggunakan strategi berpura-pura menunjukkan sikap romantik terhadap mangsa dengan mengambil berat serta cuba mendapatkan kepercayaan dan kasih sayang mangsa. Apabila mangsa sudah terperdaya dengan kata-kata dan janji-janji manis pelaku jenayah *love scam* ini, pelaku seterusnya akan menggunakan pelbagai alasan untuk meraih simpati dan mendapatkan wang daripada mangsa. Kes-kes sebegini kebiasaannya membolehkan pelaku mempunyai akses kepada wang mangsa, akaun bank, kad kredit, pasport, akaun emel atau kad pengenalan mangsa. Lebih teruk lagi, terdapat kes *love scam* di mana mangsa telah tertipu dengan menjadi keldai dadah atau melakukan penipuan bagi pihak pelaku *love scam* itu sendiri. Ini menunjukkan bahawa jenayah *love scam* ini bukanlah merupakan satu jenayah yang remeh atau ringan, namun, ia merupakan salah satu jenayah komersial yang berpotensi untuk mendorong mangsa kepada jenayah yang lebih berat dan serius.

Oleh hal yang demikian, kes jenayah *love scam* ini merupakan salah satu isu yang harus diberi perhatian yang serius oleh semua pihak. Hal ini demikian kerana, peningkatan penggunaan teknologi yang kian pesat dalam dunia moden kini menyebabkan semakin banyak kes jenayah *love scam* yang telah dilaporkan dan bilangan jenayah seperti ini saban meningkat dari hari ke hari. Peningkatan penggunaan gajet dan media sosial dalam kalangan masyarakat juga sedikit sebanyak menyumbang kepada kes ini. Selain itu, dalam era pemodenan kini, kebanyakan

urusan manusia adalah dilakukan secara atas talian dan bergantung kepada teknologi seperti telefon bimbit dan internet. Penggunaan media sosial sebagai medium untuk mencari maklumat, membeli barangan atas talian atau mencari teman hidup juga secara tidak langsung boleh membawa ancaman kepada masyarakat kerana pelaku jenayah *love scam* ini sudah tentunya akan menggunakan segala peluang yang ada untuk cuba memperdaya dan menipu mangsa. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji sejauhmanakah undang-undang sedia ada melindungi mangsa *love scam* di Malaysia. Perbandingan dengan negara-negara asing seperti Australia dan United Kingdom juga akan turut dibincangkan untuk menilai sejauhmanakah undang-undang di kedua-dua buah negara ini melindungi mangsa *love scam* di negara mereka.

SOROTAN KAJIAN

Masip, Garrido, & Herrero (2004) di dalam artikelnya yang bertajuk “*The Nonverbal: Approach to The Detection of Deception: Judgmental Accuracy*”, telah mendefinisikan penipuan sebagai satu percubaan secara sengaja, sama ada berjaya atau tidak, untuk menutup, mereka-reka sesuatu atau memanipulasi maklumat secara faktual atau emosi, melalui medium bertulis atau sebaliknya, yang bertujuan untuk membina atau mengekalkan satu kepercayaan kepada pihak yang satu lagi, yang mana pembuat komunikasi sendiri maklum bahawa ia adalah maklumat yang salah. Definisi ini menjelaskan bahawa penipuan secara dalam talian ini kebanyakannya melibatkan manipulasi maklumat secara faktual dan emosi di mana mangsa kebiasaannya akan tertipu dengan kata - kata manis si pemangsa. Kajian lain juga menekankan aspek penipuan komputer dan penipuan identiti. Misalnya, Wall (2007) dan Smith et al. (2004) menghuraikan bagaimana jenayah komputer berkembang seiring kemajuan teknologi maklumat, manakala Newman &

McNally (2005) menekankan masalah kecurian identiti yang semakin meningkat di seluruh dunia.

Di dalam artikel bertajuk “*Pengetahuan dan Amalan Perlindungan Pengguna Facebook Wanita Terhadap Love scam di Malaysia*”, Norazlina Zainal Abidin, Muhammad Rahim Kamaluddin dan Azianura Hani Shaari (2018) menyatakan bahawa kajian menunjukkan kaum wanita mempunyai tahap pengetahuan dan amalan perlindungan yang tinggi terhadap jenayah *love scam* berbanding kaum lelaki. Namun demikian, Laporan daripada Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Polis Diraja Malaysia (2017) menunjukkan jumlah kes *love scam* yang melibatkan kaum wanita adalah jauh lebih tinggi bilangannya berbanding jumlah kes *love scam* yang melibatkan kaum lelaki. Ini menunjukkan bahawa meskipun wanita mempunyai pengetahuan terhadap jenayah *love scam* namun kes-kes sebegini masih lagi meningkat.

Konsep ‘*fraudability*’ diperkenalkan oleh Chen et al. (2023) bagi menilai sejauh mana pengguna tertentu lebih terdedah kepada fraud berdasarkan tingkah laku mereka. Manakala kajian oleh Bilz, Shepherd & Johnson (2023) mengenai *romance fraud* menunjukkan bahawa profil mangsa dan faktor psikologi perlu diambil kira dalam strategi mitigasi.

Seterusnya, menurut Sakina Shaik dan Azimon Abdul Aziz (2003) di dalam buku bertajuk “*Mengenali Undang-Undang Kontrak Malaysia*”, penipuan berlaku apabila seseorang sengaja menyembunyikan sesuatu maklumat yang memberi kelebihan kepadanya tanpa diketahui oleh satu pihak yang lain bahawa maklumat tersebut memudaratkan pihak itu dan mendorong pihak yang lain itu memasuki kontrak. Sekiranya tindakan yang dilakukan secara sengaja tersebut memberi kelebihan kepada pihak pembuat tipuan atau mengakibatkan kerugian

kepada pihak yang satu lagi dalam berkontrak maka ia telah dikira sebagai penipuan. Kerugian yang dimaksudkan boleh terdiri daripada kerugian berbentuk kewangan, kehilangan atau kecederaan.

Menurut Bainbridge (2004) di dalam penulisannya iaitu "*Introduction to Computer Law*" yang membincangkan jenayah penipuan siber, terdapat beberapa pendekatan berbeza yang digunakan oleh setiap negara. Di United Kingdom misalnya, terma penipuan diberi definisi tertentu bagi membolehkan setiap jenis kes penipuan atas talian itu ditentukan berdasarkan peruntukan sedia ada yang bersesuaian. Sebagai contoh, aktiviti-aktiviti yang boleh dikategorikan sebagai penipuan atas talian diperluaskan maksudnya. Penipuan di United Kingdom boleh dikategorikan di bawah kesalahan seperti memperoleh harta atau perkhidmatan secara penipuan, pengiraan yang salah, maklumat akaun yang salah yang dibuat oleh mana-mana syarikat, memalsukan dokumen dan sebagainya. Dengan wujudnya peruntukan bagi setiap jenis penipuan atau penipuan atas talian khususnya, jenayah atas talian ini akan dapat dicegah secara lebih efisien dan dipantau dari semasa ke semasa. Peruntukan-peruntukan khas bagi setiap jenis kesalahan penipuan atas talian ini juga membolehkan penjenayah-penjenayah ini didakwa atas kesalahan masing-masing mengikut peruntukan yang lebih spesifik. Namun demikian, peruntukan spesifik bagi jenayah *love scam* secara atas talian masih belum wujud. Oleh yang demikian, undang-undang sedia ada di United Kingdom mengenai penipuan cinta siber juga perlu diperhalusi. Hal ini demikian kerana, sekiranya pihak berkuasa bergantung kepada undang-undang sedia ada sahaja bagi kesalahan jenis penipuan, berkemungkinan terdapat beberapa elemen di bawah kesalahan itu yang tidak dipenuhi dan ini sekaligus akan menyukarkan proses pendakwaan penjenayah-penjenayah siber ini.

Di Malaysia, seksyen 420 Kanun Keseksaan telah memperuntukkan mengenai menipu dan dengan curangnya mendorong supaya harta diserahkan. Di bawah seksyen ini, mana-mana pihak yang didapati menipu dan mendorong mangsanya supaya menyerahkan apa-apa harta kepada mana-mana orang, atau supaya membuat, mengubah, atau membinasakan kesemua atau apa-apa bahagian sesuatu cagaran berharga atau apa-apa yang bertandatangan atau bermetri, dan yang boleh dijadikan cagaran berharga, boleh dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh tidak kurang dari satu tahun dan tidak lebih dari sepuluh tahun dan dengan sebat serta boleh turut dikenakan denda. Di dalam kes *Pendakwa Raya lwn Mohd Liza Azmie bin Md Darus [2022] MLJU 3607*, tertuduh telah dituduh di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana dipercayai menjadi agen kepada sebuah syarikat yang menjalankan pelaburan saham di mana mangsa dalam kes ini telah mengalami kerugian atas pelaburannya sedangkan didorong oleh tertuduh dengan menjanjikan keuntungan apabila membuat pelaburan. Namun begitu, Mahkamah memutuskan bahawa tertuduh tidak bersalah kerana pendakwaan tidak berjaya buktikan pemerdayaan oleh tertuduh kepada mangsa dan tiada dorongan curang oleh tertuduh. Ini menunjukkan bahawa undang-undang sedia ada masih belum dapat membanteras penjenayah-penjenayah siber ini memandangkan tiada elemen khusus yang dapat membuktikan kesalahan mereka. Walaupun sudah dituduh di Mahkamah, namun akhirnya si pelaku bebas tanpa dijatuhkan apa-apa hukuman.

Selain Seksyen 420 Kanun Keseksaan tersebut, seksyen 424 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan mengenai mengalih atau menyembunyikan harta dengan curangnya atau dengan tipuan. Di dalam kes *Pendakwa Raya lwn Ivy ak Choo Edan [2021] MLJU 1522*, Mahkamah

hanya menjatuhkan hukuman bon berkelakuan baik selama dua tahun terhadap tertuduh. Di dalam kes ini tertuduh didapati menyembunyikan harta dengan curangnya berjumlah RM317,000.00 melalui akaun Bank Rakyat milik tertuduh iaitu wang yang diperoleh melalui skim piramid penipuan dalam talian. Ini menunjukkan bahawa tiada hukuman berat yang dikenakan terhadap tertuduh walaupun telah dibuktikan bersalah di Mahkamah.

Kelemahan peruntukan undang-undang ini telah dibincangkan oleh Nazura Abdul Manap dan Anita Abdul Rahim (2002) di dalam penulisannya yang bertajuk “*Permasalahan Frod/Penipuan dan Komputer: Sejauhmanakah Penyelesaiannya*”. Penulis-penulis ini telah menjelaskan tentang kemampuan peruntukan di bawah Kanun Keseksaan untuk diaplikasikan ke dalam kes penipuan atas talian. Menurut penulis-penulis, seksyen 415 sehingga seksyen 424 Kanun Keseksaan mempunyai skop yang amat terhad di mana ia melibatkan pemerdayaan kepada manusia secara langsung bagi melakukan penipuan sedangkan jenayah penipuan atas talian ada kalanya tidak melibatkan pemerdayaan secara langsung ke atas manusia. Sebagai contoh, kes penipuan yang melibatkan *phishing* di mana kebanyakan penipuan dilakukan melalui sistem komputer atau internet bagi melaksanakan arahan penjenayah. Ini menunjukkan bahawa perbezaan jenayah penipuan secara fizikal atau tradisional dan jenayah penipuan secara atas talian memerlukan peruntukan undang-undang baru untuk membolehkan peruntukan undang-undang bersesuaian dengan jenis kesalahan yang dilakukan pada masa kini.

Perkembangan terkini dalam bidang jenayah siber menunjukkan bahawa modus operandi penipuan semakin kompleks dan diperkuatkan dengan penggunaan teknologi baharu. Menurut Zhang et al. (2025), kaedah kecerdasan buatan (AI) seperti

deepfake dan *voice cloning* kini digunakan secara meluas untuk meniru identiti mangsa dan meningkatkan keberkesanan penipuan identiti. Hal ini disokong oleh Bilz, Shepherd, & Johnson (2023) yang menegaskan bahawa penipuan cinta siber semakin memperlihatkan ciri peribadi (personalised social engineering), menjadikan mangsa lebih sukar mengesan penipuan.

Dari sudut impak ekonomi, laporan Tech for Good Institute (2024) mendapati Malaysia kehilangan hampir RM 54 bilion akibat scam dan penipuan siber dalam tempoh setahun, bersamaan kira-kira tiga peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Button & Karagiannopoulos (2024) menekankan bahawa masyarakat yang semakin menua lebih rentan terhadap penipuan dalam talian, manakala Hernandez Aros et al. (2024) pula menyoroti potensi pembelajaran mesin untuk mempertingkatkan pengesanan penipuan kewangan secara proaktif.

Walau bagaimanapun, pakar memberi amaran bahawa keberkesanan undang-undang masih terbatas. Menurut Penang Institute (2024), cabaran utama ialah kesukaran mengesan pelaku yang beroperasi merentas sempadan, kekangan kapasiti teknikal pihak berkuasa tempatan, serta kadar pelaporan mangsa yang rendah akibat rasa malu atau kurang kepercayaan terhadap sistem keadilan. Kayser, Back & Toro-Alvarez (2024) menegaskan bahawa perlindungan mangsa perlu diperkukuh melalui tindakan penguatkuasaan yang lebih mesra mangsa (*victim-centred prosecution*).

Selain itu, pendekatan kuantitatif baharu telah diperkenalkan oleh Chen et al. (2023) melalui konsep *fraudability*, iaitu tahap kerentanan pengguna terhadap penipuan kewangan berdasarkan tingkah laku. Kajian model *scammer lifecycle* oleh Elovici & Shabtai (2023) pula

menunjukkan bahawa strategi pencegahan yang menumpukan kepada mengganggu populasi scammer lebih berkesan berbanding hanya melindungi mangsa. Pandangan-pandangan ini menunjukkan bahawa undang-undang perlu bergerak seiring dengan inovasi teknologi dan metodologi penyelidikan bagi memastikan perlindungan menyeluruh kepada masyarakat.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi penyelidikan merujuk kepada kaedah - kaedah yang digunapakai oleh penulis dalam melaksanakan penyelidikan. Kaedah- kaedah ini termasuklah teknik mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong penyelidikan. Oleh hal yang demikian, pelbagai kaedah digunakan oleh penulis untuk tujuan penyelidikan seperti pengumpulan data dan analisis data. Penyelidikan ini juga merupakan penyelidikan kualitatif kerana ia memerlukan analisis terperinci untuk mengenal pasti sejauh mana undang-undang sedia ada melindungi mangsa 'love scam' di Malaysia. Penyelidikan ini juga memberi tumpuan kepada pembacaan dan analisis sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer terdiri daripada undang-undang sedia ada seperti akta dan kes-kes terdahulu yang membentuk sumber undang-undang yang sebenarnya manakala sumber sekunder pula terdiri daripada ulasan daripada sarjana dalam bidang berkaitan yang terdapat dalam jurnal daripada kajian terdahulu, buku teks, kamus dan lain-lain. Di samping itu, kaedah perbandingan juga dilaksanakan seperti membandingkan undang-undang di Malaysia berkenaan jenayah penipuan atas talian dengan beberapa negara lain seperti Australia dan United Kingdom. Dengan cara ini, penulis dapat mengenal pasti kelemahan ataupun kekurangan undang-undang sedia ada di Malaysia dan seterusnya penulis akan dapat memberikan cadangan untuk penambahbaikan undang-

undang sedia ada di Malaysia bagi membanteras jenayah *love scam* daripada berleluasa.

SENARIO LOVE SCAM DI MALAYSIA

Di Malaysia, kebanyakan mangsa yang terlibat dengan kes *love scam* ini adalah terdiri daripada golongan wanita. Pemangku Timbalan Pengarah Siasatan, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Mohamad Usuf Jan Mohamad di dalam satu sidang media berkata menurut kajian yang dilakukan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, 6,008 kes atau 82.5 peratus daripada 7,286 jumlah kes yang direkodkan adalah melibatkan mangsa wanita dan bakinya iaitu 1,228 kes membabitkan kaum lelaki. Ini menunjukkan bahawa lebih daripada 80 peratus mangsa adalah terdiri daripada golongan wanita. Mangsa wanita yang terlibat juga kebanyakannya terdiri daripada golongan wanita berumur, ibu tunggal dan wanita bekerjaya.

Menurut Ketua Polis Negeri Sembilan pula, Datuk Ahmad Dzaffir Mohd Yussof, kes membabitkan *love scam* pada tahun 2024 telah merekodkan peningkatan berbanding kes pada tahun 2023. Kes *love scam* telah mencatatkan 81 kes dengan kerugian berjumlah RM2.6 juta. Ini tidak termasuk kes-kes penipuan atas talian yang lain yang mana pasukan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Negeri Sembilan telah berjaya menahan 926 individu bagi semua kategori penipuan atas talian tahun lalu. Daripada jumlah tangkapan ini jelas menunjukkan bahawa kes-kes penipuan sebegini adalah amat membimbangkan. Sebagai contoh, baru-baru ini terdapat kes di mana seorang warga emas berumur 69 tahun telah mengalami kerugian sebanyak RM24,000 kerana tertipu dengan seorang lelaki yang dikenali olehnya daripada media sosial, *Facebook*. Lelaki tersebut telah menipu identitinya dengan memperkenalkan diri beliau sebagai seorang jurutera petroleum

daripada Norway dan beliau dipercayai mengalami masalah enjin kapal di tengah laut. Warga emas berusia 69 tahun terbabit telah membayar sejumlah RM24,000 daripada wang simpanannya kepada lelaki tersebut kononnya untuk membayar bayaran enjin kapal yang Baharu dan atas dasar keprihatinan terhadap lelaki tersebut. Terdapat juga kes yang melibatkan mangsa lelaki di mana mangsa lelaki tersebut telah mengalami kerugian berjumlah RM12,000 kerana ditipu oleh seorang wanita yang dikenali melalui laman sosial *Instagram*. Kes-kes sebegini menunjukkan bahawa baik lelaki mahupun wanita boleh menjadi mangsa kes *love scam*. Oleh yang demikian, undang-undang sedia ada perlulah bersifat melindungi mangsa dan seterusnya dapat mencegah kes *love scam* secara keseluruhan. Namun demikian, faktor-faktor yang menyumbang kepada kes *love scam* ini haruslah dikaji terlebih dahulu untuk mengenal pasti punca berlakunya peningkatan kes *love scam* di negara ini.

Antara faktor yang menyumbang kepada kes *love scam* yang berleluasa di negara ini ialah peningkatan penggunaan internet serta media sosial oleh setiap lapisan masyarakat tanpa mengira peringkat umur dan tahap sosioekonomi. Kebanyakan masyarakat kini menggunakan teknologi seperti internet, telefon bimbit, komputer riba dan lain-lain gajet untuk berkomunikasi di antara satu sama lain. Teknologi sebegini dapat digunakan untuk mengakses laman sesawang ataupun laman sosial seperti *WhatsApp*, *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *TikTok* dan sebagainya. Penggunaan teknologi ini dapat membantu manusia berhubung antara satu sama lain tanpa mengira masa dan tempat kerana ia boleh diakses di mana-mana sahaja. Namun demikian, terdapat juga kesan buruk akibat daripada penggunaan teknologi ini dan salah satunya adalah kes *love scam* atas talian. Menurut Timbalan Ketua Polis Selangor, Datuk S Sasikala Devi, kebanyakan mangsa mengenali suspek

menerusi laman sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan *WhatsApp*. Menurut laporan daripada DateReportal Digital Global Insight tahun 2023, golongan berumur 18 tahun hingga 44 tahun merupakan pengguna media sosial yang paling kerap. Kajian juga mendapati bahawa golongan yang paling aktif menggunakan media sosial iaitu lebih daripada lima kali sehari adalah golongan wanita. Ini menunjukkan bahawa golongan wanita sangat bergantung kepada media sosial dalam kehidupan seharian mereka dan ini secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan kes *love scam* secara atas talian yang melibatkan mangsa wanita.

Selain itu, faktor lain yang turut menyumbang kepada berleluasanya kes *love scam* adalah masalah kesunyian dan juga masalah keluarga. Faktor kesunyian dan hubungan kekeluargaan seseorang individu boleh menyebabkan mereka lebih cenderung untuk menyendiri dan mengelak daripada bersosial di dunia nyata. Hal ini akan menyebabkan mereka lebih banyak menghabiskan masa di alam maya dan melayari internet untuk mencari keseronokan yang baharu. Kebiasaannya, mangsa yang terlibat dengan kes-kes *love scam* ini mempunyai masalah kekeluargaan, tidak mempunyai hubungan yang baik dengan teman sekeliling atau tidak bahagia bersama pasangan hidup masing-masing. Menurut kes *PP v Maria Elvira Pinto Exposto [2017] MLRHU 1833*, terdapat empat ciri - ciri untuk menunjukkan bahawa seseorang itu sesuai atau 'fits' dengan ciri-ciri mangsa *love scam*. Ciri pertama adalah, '*motivated to find an ideal partner*' kerana masalah perkahwinan atau masalah kekeluargaan yang dihadapi. Ciri kedua adalah '*presented with ideal profile*' di mana pelaku biasanya adalah sorang yang berpewatakan menarik, berkuasa, bermoral tinggi dan berpangkat. Ciri ketiga pula ialah '*grooming*' di mana pelaku akan menyatakan hasrat cintanya kepada mangsa dan ciri terakhir adalah '*crisis/foot-in-door*

technique’ di mana pelaku akan menggunakan mangsa untuk mendapatkan wang secara tipu daya. Ciri-ciri ini boleh dilihat apabila mangsa kes penipuan ini kebiasaannya memilih untuk bersosial di alam maya dan berkenalan dengan kenalan baharu. Senario ini menyebabkan pelaku jenayah *love scam* mengambil kesempatan untuk menjerat mangsa dengan menaburkan janji palsu. Di samping itu, pelaku juga akan berpura-pura bersikap prihatin untuk meraih kepercayaan mangsa. Mangsa yang pada awalnya kesunyian kini merasa seolah-olah beliau tidak lagi berkeseorangan dan kononnya berjaya mendapat perhatian dan kasih sayang seseorang. Mangsa akhirnya membina hubungan dengan pelaku yang baru dikenali di alam maya dan seterusnya terpedaya sehingga menyebabkan mangsa mengalami kerugian dalam bentuk wang ringgit. Oleh yang demikian, langkah-langkah proaktif haruslah dilaksanakan oleh semua pihak terutamanya agensi kerajaan dan swasta untuk membanteras kes *love scam* ini.

Di Malaysia, Pusat Respons Scam Kebangsaan atau National Scam Response Center (NRSC) telah ditubuhkan pada 7 Oktober 2022 yang bertindak sebagai pusat respons setempat untuk menangani kes-kes jenayah penipuan siber dengan lebih efisien dan bersepadu. Pusat respons setempat ini merupakan salah satu inisiatif pihak kerajaan untuk mengesan dana atau wang yang telah dicuri penjenayah dengan lebih cepat dan seterusnya secara tidak langsung dapat membantu dalam menguatkuasakan tindakan undang-undang terhadap penjenayah. Melalui langkah ini pengaliran dan pelupusan wang mangsa dapat disekat. Walau bagaimanapun, NRSC ini hanya mengendalikannya kes penipuan kewangan dalam talian seperti kes di mana mangsa menyedari bahawa wang dalam akaun bank mereka telah dipindahkan tanpa pengetahuan dan bilamana mangsa telah diperdaya untuk memindahkan wang

mereka melalui perkhidmatan kewangan dalam talian. Pengendalian siasatan oleh NRSC juga adalah lebih bersifat kepada pusat untuk membuat aduan. Hal ini demikian kerana, selepas mangsa membuat aduan kepada NRSC, NRSC tidak akan sama sekali membuat panggilan susulan walaupun mangsa telah membuat laporan insiden penipuan kepada NSRC. Ini menunjukkan bahawa mangsa masih perlu mengambil langkah-langkah lain dan masalah ini secara tidak langsung akan mengambil masa untuk diselesaikan. Oleh yang demikian, undang-undang sedia ada perlulah dikaji semula untuk menilai tahap perlindungan sedia ada yang diperuntukkan untuk mangsa-mangsa kes *love scam* ini.

UNDANG-UNDANG SEDIA ADA YANG MENTADBIR JENAYAH *LOVE SCAM* DI MALAYSIA

Di Malaysia, tiada akta sedia ada yang spesifik bagi jenayah *love scam*. Namun demikian, kes-kes yang melibatkan penipuan adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 415 sehingga Seksyen 424 Kanun Keseksaan. Kes-kes yang melibatkan *love scam* kebiasaannya disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan di mana seksyen ini memperuntukkan mengenai kesalahan menipu dan dengan curangnya mendorong supaya harta diserahkan. Hal ini demikian kerana, kebanyakan kes *love scam* yang berlaku melibatkan kerugian wang ringgit yang diserahkan oleh mangsa kepada si pelaku. Untuk membuktikan bahawa pelaku telah melakukan kesalahan ini, terdapat beberapa elemen yang harus dipenuhi terlebih dahulu. Menurut buku teks Ratanlal & Dhirajlal's The Indian Penal Code 32th Edition, elemen-elemen yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan kepada Mahkamah bagi kesalahan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan adalah tertuduh telah memperdaya mangsa, mangsa telah menyerahkan harta kepada seseorang kerana perdayaan itu dan tertuduh dengan niat memperdaya pengadu dengan curang dan frod. Ini bermaksud

sekiranya seseorang dituduh di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan pihak pendakwa perlu membuktikan ketiga-tiga elemen ini sebelum sabitan dan hukuman boleh dikenakan terhadap tertuduh tersebut. Namun demikian, bagaimanakah elemen-elemen ini boleh dibuktikan oleh pihak pendakwa dalam kes *love scam* yang mana kebanyakan mangsa secara sukarela menyerahkan harta mereka kepada pelaku berdasarkan kepada hubungan yang dibina?

Di bawah Seksyen 415 Kanun Keseksaan, definisi menipu juga telah diperuntukkan. Di dalam kes *Mohd Jalani Saliman & Anor v. Public Prosecutor [1997] 3 MLRH 701*, Mahkamah telah menjelaskan bahawa di dalam kesalahan penipuan, elemen yang perlu ada adalah perdayaan dalam bentuk kelakuan atau perkataan di mana perdayaan itu mesti datangnya daripada pelaku yang mempengaruhi minda mangsa. Perdayaan melibatkan elemen tipuan yang menyebabkan seseorang itu percaya ia adalah benar walaupun pada hakikatnya ia tidak benar. Di dalam kes *Liew Min Poh v. PP [1962] MC 316* pula, Mahkamah telah menetapkan keperluan untuk membuktikan bagaimanakah cara tertuduh memperdayakan mangsa. Di dalam kes itu diputuskan bahawa dalam pertuduhan bagi kesalahan menipu di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan, adalah perlu untuk menyatakan bukan sahaja fakta bahawa tertuduh telah memperoleh barang dengan cara tidak jujur, tetapi juga cara penipuan yang telah dilakukan. Dengan ini, Mahkamah akan boleh menilai sama ada harta yang diserahkan oleh mangsa itu adalah melalui penipuan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 420 atau sebaliknya.

Sebagai contoh, terdapat kes di mana seorang lelaki telah ditipu sehingga mengalami kerugian berjumlah RM29,000.00. Lelaki tersebut telah berkenalan dengan seorang wanita melalui

media sosial, *Facebook* sebelum menjalinkan hubungan cinta dengan wanita tersebut. Suspek wanita tersebut kemudiannya mengajak mangsa lelaki tersebut untuk menyertai perniagaan dalam satu aplikasi yang menjanjikan keuntungan yang besar. Namun demikian, setelah melabur sebanyak RM29,000.00, keuntungan yang kononnya akan diperolehi tidak dapat dikeluarkan. Wanita tersebut kemudiannya menghilangkan diri dan tidak lagi dapat dihubungi selepas itu. Mangsa seterusnya membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan. Di dalam kes sebegini adalah penting untuk pihak pendakwa merangka pertuduhan dengan jelas dan teliti memandangkan di dalam pertuduhan tipu, pihak pendakwa perlu menyatakan bagaimana tertuduh telah memperdayakan mangsa sehingga menyebabkan mangsa percaya dan menyerahkan wang atau harta kepada tertuduh. Perkataan yang penting adalah perdaya. Bagaimana tertuduh memperdayakan mestilah dijelaskan di dalam pertuduhan. Sekiranya pertuduhan hanya menyatakan bahawa mangsa telah ditipu sehingga menyebabkan kerugian berjumlah RM29,000.00 maka ada kemungkinan pelaku terbabit akan dibebaskan dan dilepaskan kerana pertuduhan yang defektif dan cacat. Hal ini kerana sekiranya pelaburan yang ditawarkan oleh pelaku wanita terbabit adalah benar maka mangsa lelaki tersebut bukanlah didorong dengan tipuan untuk menyerahkan hartanya namun beliau hanya tidak diberikan pulangan yang dijanjikan. Di dalam kes sebegini, mangsa seharusnya mengambil tindakan di bawah bidang kuasa Mahkamah sivil dan bukannya jenayah.

Di dalam kes *Hridaya Ranjan Prasad Verma v. State of Bihar [2000] 4 SCC 168*, Mahkamah Agung telah membezakan kesalahan antara kemungkiran kontrak dan jenayah tipu. Perbezaan bagi kemungkiran kontrak dan jenayah tipu bergantung kepada niat tertuduh semasa dorongan terhadap mangsa

dilakukan. Sekadar kemungkiran kontrak tidak boleh menimbulkan pendakwaan jenayah tipu melainkan niat penipuan atau tidak jujur ditunjukkan tepat pada awal transaksi iaitu masa kesalahan itu dikatakan telah dilakukan. Oleh itu, niatlah yang menjadi intipati kesalahan yang membezakan di antara kemungkiran kontrak dan jenayah tipu. Di samping itu, untuk memastikan seseorang itu bersalah kerana menipu adalah perlu untuk menunjukkan bahawa dia mempunyai niat curang atau tidak jujur pada masa membuat janji. Di dalam kes *love scam*, tindakan tertuduh ini hanya akan didakwa sebagai jenayah sekiranya niat tertuduh untuk menipu mangsanya dapat dibuktikan daripada awal. Sekiranya tertuduh mendorong mangsa melakukan sesuatu yang wujud atau benar dan mangsa juga rela melakukannya namun hanya merasa tertipu pada akhirnya setelah tidak mendapat pulangan yang dijanjikan maka itu bukanlah jenayah tipu tetapi hanya kemungkiran kontrak.

Berdasarkan kes-kes yang dirujuk di atas, adalah jelas bahawa di dalam kes *love scam* di Malaysia, terdapat peruntukan undang-undang dari segi bidang kuasa jenayah dan juga bidang kuasa sivil. Bagi kes-kes yang terletak di bawah bidang kuasa jenayah, pihak pendakwaan perlulah membuktikan pelaku atau tertuduh telah memperdayakan mangsa pada awalnya sehingga mendorong mangsa untuk melakukan sesuatu dan seterusnya menyebabkan kerugian kepada mangsa. Namun demikian, sekiranya tidak wujud elemen niat penipuan ke atas mangsa-mangsa semasa dorongan dilakukan dan di mana mangsa sendiri dengan rela menyerahkan harta atau wang ringgit kepada pelaku atas dasar cinta atau pelaburan dan pada akhirnya tidak mendapat pulangan atau hasil yang dijanjikan maka Mahkamah akan melihat kes tersebut lebih kepada kes sivil daripada kes jenayah berdasarkan kepada undang-undang kontrak. Oleh yang demikian,

adalah penting untuk latar belakang setiap kes *love scam* itu dikenal pasti untuk membolehkan pihak berkuasa atau mangsa membezakan bidang kuasa Mahkamah yang harus memutuskan kes-kes bagi kesalahan *love scam*. Hal ini demikian kerana, sekiranya mangsa atau pihak pendakwaan memulakan kes di bawah bidang kuasa Mahkamah yang salah maka tertuduh atau pesalah boleh dibebaskan dan dilepaskan tanpa diadili sebetulnya.

SENARIO *LOVE SCAM* DI AUSTRALIA

The Australian Competition and Consumer Commission (ACCC) telah mendefinisikan penipuan sebagai salah satu cara untuk memperdaya atau mendorong seseorang untuk menyerahkan wang atau maklumat peribadi seseorang itu. Menurut Penolong Bendahari dan Menteri Perkhidmatan Kewangan Australia, Stephen Jones, *love scam* merupakan salah satu daripada kes penipuan atas talian yang menyebabkan kerugian sehingga mencecah \$35 juta pada tahun 2023.

Di Australia, jenayah *love scam* diperuntukkan di bawah Seksyen 192E Crimes Act 1900. Seksyen ini memperuntukkan bahawa jika seseorang secara tipu dan tidak jujur memperoleh harta kepunyaan orang lain, atau memperoleh apa-apa keuntungan kewangan atau menyebabkan apa-apa kerugian kewangan, seseorang itu boleh dihukum penjara sehingga 10 tahun. Walau bagaimanapun, akta ini tidak menyebut secara spesifik mengenai kesalahan berkaitan *love scam*. Seksyen 192B Akta yang sama juga mentakrifkan penipuan sebagai sesuatu yang dikatakan seseorang atau sesuatu yang dilakukan dan boleh dilakukan tentang fakta atau undang-undang dan, seseorang memikirkan dan melaksanakan perbuatan ini untuk mengelirukan seseorang (mangsa) dengan sengaja. Di Australia, perlakuan tidak jujur atau *dishonesty* tersebut adalah ditentukan dan dinilai oleh sistem juri. Ini adalah

berbeza dengan Malaysia yang tidak mempunyai sistem juri.

Selain itu, pada bulan Julai 2023, kerajaan Australia juga telah menubuhkan *National Anti-Scam Centre* (NASC) yang mana badan ini bekerjasama dengan *The Australian Securities and Investments Commission* (ASIC) untuk melaksanakan ‘*scam website takedown service*’ dan membantu pihak berkuasa Komunikasi dan Media Australia dalam membanteras penipuan telekomunikasi. Walau bagaimanapun, keberkesanan badan ini masih belum diketahui memandangkan ia baru sahaja ditubuhkan. Namun demikian, adalah penting bagi badan seperti ini ditubuhkan untuk mengurangkan kes *love scam* secara meluas di Australia. Di samping penubuhan NASC, ACCC juga telah menubuhkan satu badan yang dikenali sebagai Scamwatch. Scamwatch ialah salah satu organisasi paling terkenal yang ditubuhkan untuk membantu orang ramai mengenal pasti dan melaporkan penipuan. Badan ini mengumpul maklumat penting untuk mengenal pasti penipuan yang paling mendatangkan kemudaratan kepada warga Australia, memahami cara penipuan berfungsi, siapa yang mereka target dan cara mengganggu atau menghentikannya. Keberkesanan badan ini dapat dilihat dengan kerjasama pihak berkuasa Komunikasi dan Media Australia apabila terdapat pengurangan sebanyak lebih daripada 50% dalam kes penipuan atas talian pada tahun 2022. Inisiatif ini adalah salah satu inisiatif yang proaktif dalam melindungi mangsa yang terdedah dengan kes penipuan percintaan. Namun demikian, kes *love scam* di Australia ini masih lagi perlu dianggap serius memandangkan masih terdapat 357 juta panggilan penipuan yang disekat hasil daripada inisiatif ini.

Selain daripada badan-badan yang ditubuhkan ini, institusi perbankan di Australia juga memainkan peranan yang penting dalam melindungi pelanggan mereka daripada ditipu. Antara inisiatif

yang dilaksanakan oleh institusi perbankan adalah dengan melaksanakan penggunaan PayID. PayID ini merupakan satu sistem di mana pelanggan diwajibkan untuk memasukkan nombor telefon atau alamat emel pihak atau perniagaan yang akan menerima pembayaran dalam sesuatu transaksi tersebut. Ini membantu menghentikan penipuan daripada menerima wang di bawah nama palsu kerana pembayar boleh melihat skrin pengesahan yang mempunyai nama PayID yang digunakan penipuan sebelum mereka boleh mengesahkan pembayaran tersebut. Inisiatif ini amat berguna kerana penipuan sering menggunakan nama atau akaun palsu yang dimiliki oleh pihak ketiga. Oleh yang demikian, apabila mangsa ingin membuat transaksi pemindahan wang, mereka boleh melihat nama yang tertera pada akaun terlebih dahulu sebelum meneruskan transaksi pembayaran. Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Australia ini merupakan inisiatif yang berguna dan sedikit sebanyak membantu mencegah penularan kes *love scam* di negara tersebut. Inisiatif-inisiatif ini juga boleh dicontohi oleh Malaysia dalam mencegah jenayah *love scam* yang terus berleluasa.

SENARIO LOVE SCAM DI UNITED KINGDOM

Di United Kingdom, *love scam* lebih dikenali sebagai *romance scam* yang turut merujuk kepada kes penipuan cinta atas talian. Menurut satu kenyataan media yang dikeluarkan oleh Lloyds Bank iaitu sebuah Institusi Perbankan di United Kingdom, bilangan mangsa kes *romance scam* telah meningkat sebanyak 22 peratus pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, jumlah kerugian yang dialami oleh mangsa *romance scam* pada tahun 2023 adalah lebih sedikit berbanding tahun 2022 di mana pada tahun 2022 kerugian kewangan yang dicatatkan adalah sebanyak £8,237 manakala tahun 2023,

kerugian kewangan mencatatkan sebanyak £6,937.

Berbeza dengan Malaysia, di United Kingdom, mangsa kes *love scam* ini adalah kebanyakannya terdiri daripada golongan lelaki berbanding golongan wanita. Pada tahun 2023, kes *love scam* yang melibatkan mangsa lelaki adalah sebanyak 52 peratus kes. Namun demikian, mangsa wanita lebih cenderung melaporkan kerugian yang lebih tinggi iaitu purata £9,083, berbanding purata £5,145 kerugian yang ditanggung oleh mangsa lelaki. Lingkungan umur purata golongan yang menjadi mangsa kes *love scam* ini adalah melibatkan mangsa, lelaki dan wanita berumur antara 55 hingga 64 tahun. Menurut Liz Ziegler, Pengarah Pencegahan Fraud di Lloyds Bank, kebanyakan kes adalah berpunca daripada media sosial yang menggunakan profil palsu untuk menjalin hubungan romantik dengan mangsa. Ini menunjukkan bahawa media sosial merupakan penyumbang terbesar bagi kes penipuan cinta atas talian ini.

Di United Kingdom, tiada undang-undang khusus yang memperuntukkan mengenai jenayah *love scam* secara spesifik. Walau bagaimanapun, pelaku atau penjenayah *love scam* ini masih boleh didakwa di bawah peruntukan Akta-akta yang berkaitan mengikut keadaan kes tersebut. Antara akta yang berkaitan dengan jenayah *love scam* adalah Fraud Act 2006. Akta ini memperuntukkan mengenai pelbagai bentuk penipuan termasuk *romance scam*. Seksyen 2 Fraud Act 2006 memperuntukkan mengenai penipuan melalui salahnyata (*fraud by false representation*). Seseorang itu dikatakan telah melakukan kesalahan di bawah seksyen ini apabila membuat kenyataan palsu dengan niat untuk mendapatkan keuntungan peribadi sehingga menyebabkan kerugian bagi pihak yang lain. Antara hukuman yang bakal dihadapi oleh pesalah di bawah Seksyen 2 Fraud Act 2006 ini adalah penjara dan juga denda

yang berbeza mengikut jenis kesalahan penipuan yang dilakukan. Sebagai contoh sekiranya pesalah melakukan kesalahan penipuan yang melibatkan akses tanpa kebenaran kepada bahan computer, pesalah tersebut boleh dikenakan penjara sehingga enam bulan dan/atau denda sehingga £5,000. Sekiranya pesalah melakukan kesalahan yang melibatkan akses tanpa kebenaran kepada bahan komputer dengan niat untuk melakukan jenayah selanjutnya, pesalah boleh dikenakan hukuman penjara sehingga lima tahun dan/atau denda tanpa had. Bagi kesalahan pengubahsuaian data tanpa kebenaran, hukuman penjara sehingga lima tahun dan/atau denda tanpa had boleh dikenakan terhadap pesalah manakala bagi kesalahan membuat, membekal atau mendapatkan apa-apa yang boleh digunakan dalam kesalahan penyalahgunaan computer, hukuman penjara sehingga sepuluh tahun dan/atau denda tanpa had boleh dikenakan terhadap pesalah. Ini menunjukkan bahawa United Kingdom memperuntukkan beberapa jenis hukuman yang boleh dikenakan terhadap pesalah mengikut jenis kesalahan penipuan yang dilakukan.

Selain itu, Di United Kingdom, terma penipuan diberi definisi tertentu bagi membolehkan setiap jenis kes penipuan atas talian itu ditentukan berdasarkan peruntukan sedia ada yang bersesuaian. Di bawah Fraud Act 2006, aktiviti-aktiviti yang boleh dikategorikan sebagai penipuan atas talian diperluaskan maksudnya. Seksyen 3 Fraud Act 2006 memperuntukkan mengenai *fraud by failing to disclose information*. Seksyen 4 Fraud Act 2006 tersebut pula memperuntukkan mengenai *fraud by abuse of position*. Ini menunjukkan bahawa penipuan di United Kingdom boleh dikategorikan di bawah kesalahan seperti memperoleh harta atau perkhidmatan secara penipuan, memberikan maklumat yang salah, pengiraan yang salah, maklumat akaun yang salah yang dibuat oleh mana-mana syarikat, memalsukan

dokumen dan sebagainya. Namun demikian, masih tiada peruntukan khas mengenai jenayah *love scam* yang dilakukan secara atas talian untuk membolehkan jenayah ini akan dapat dicegah secara lebih efisien dan dipantau dari semasa ke semasa. Peruntukan - peruntukan khas bagi setiap jenis kesalahan penipuan atas talian ini akan membolehkan penjenayah- penjenayah ini didakwa atas kesalahan masing-masing mengikut peruntukan yang lebih spesifik.

Selain daripada Fraud Act 2006 di United Kingdom, terdapat juga *Action Fraud* iaitu *National Fraud and Cyber Crime Reporting Center* yang telah ditubuhkan sebagai pusat laporan kebangsaan untuk kes-kes penipuan dan jenayah siber di mana mangsa boleh membuat laporan kes penipuan sekiranya mangsa telah ditipu atau berhadapan dengan masalah jenayah siber. Badan ini beroperasi selama 24 jam seminggu dan menerima laporan daripada secara atas talian. Badan ini mempunyai laman sesawang di mana pengguna boleh mengakses laman sesawang tersebut untuk membuat laporan dan mendapatkan maklumat mengenai kesalahan *love scam*. Ini sedikit sebanyak dapat membantu pengguna atau mangsa untuk lebih berhati-hati dan berwaspada terhadap ciri-ciri atau amalan pelaku jenayah *love scam*. Inisiatif ini adalah lebih kepada langkah tambahan untuk membanteras gejala *love scam* di United Kingdom. Di samping itu, orang ramai juga akan lebih berhati-hati dengan wujudnya pusat laporan kebangsaan ini.

PERBINCANGAN/DAPATAN

Berdasarkan kepada peruntukan undang-undang sedia ada di ketiga-tiga buah negara, adalah dapat disimpulkan bahawa ketiga-tiga buah negara mempunyai peruntukan undang-undang yang hampir sama mengenai jenayah penipuan. Namun demikian, tidak ada peruntukan spesifik yang diperuntukkan mengenai jenayah *love*

scam yang dilakukan secara atas talian untuk memperdaya mangsa. Sebagai contoh, di Malaysia, kebanyakan kes yang melibatkan jenayah *love scam* disiasat menurut Seksyen 420 Kanun Keseksaan. Selain itu, seksyen 415 sehingga seksyen 424 Kanun Keseksaan juga adalah dikatakan mempunyai skop yang terhad dan tidak menyeluruh di mana ia melibatkan pemerdayaan kepada manusia secara langsung bagi melakukan penipuan. Namun demikian, ada kalanya jenayah penipuan atas talian tidak melibatkan pemerdayaan secara langsung ke atas manusia. Contohnya, terdapat kes *love scam* yang menggunakan sistem komputer atau internet untuk melaksanakan penipuan. Ini menunjukkan bahawa perbezaan jenayah penipuan secara fizikal atau tradisional dan jenayah penipuan secara atas talian memerlukan peruntukan undang-undang baru untuk membolehkan peruntukan undang-undang bersesuaian dengan jenis kesalahan yang dilakukan pada masa kini.

Ini sedikit berbeza dengan United Kingdom yang memberikan definisi tertentu bagi penipuan di mana ini membolehkan setiap jenis kes penipuan itu ditentukan berdasarkan peruntukan sedia ada yang bersesuaian. Namun, masih tiada juga peruntukan spesifik mengenai penipuan cinta siber atas talian. Oleh yang demikian, aktiviti-aktiviti yang boleh dikategorikan sebagai penipuan cinta atas talian perlu diperluaskan maksudnya. Walaupun penipuan di United Kingdom boleh dikategorikan di bawah kesalahan seperti memperoleh harta atau perkhidmatan secara penipuan, pengiraan yang salah, maklumat akaun yang salah yang dibuat oleh mana-mana syarikat, memalsukan dokumen dan sebagainya, namun peruntukan ini masih lagi belum cukup kuat untuk mendakwa pelaku memandangkan dalam dunia moden kini pelaku kesalahan jenayah *love scam* ini menggunakan pelbagai cara dan taktik baru secara atas talian untuk memperdaya dan

menipu mangsa. Dengan wujudnya peruntukan bagi setiap jenis penipuan atau penipuan cinta atas talian khususnya, jenayah penipuan cinta atas talian ini akan dapat dicegah dan dipantau dari semasa ke semasa. Peruntukan -peruntukan khas bagi setiap jenis kesalahan penipuan atas talian ini juga membolehkan penjenayah-penjenayah ini didakwa atas kesalahan masing-masing mengikut peruntukan yang lebih spesifik.

Di Australia pula, jenayah *love scam* diperuntukkan di bawah Seksyen 192E Crimes Act 1900. Seksyen ini memperuntukkan bahawa jika seseorang secara tipu dan tidak jujur memperoleh harta kepunyaan orang lain, atau memperoleh apa-apa keuntungan kewangan atau menyebabkan apa-apa kerugian kewangan, seseorang itu boleh dihukum penjara sehingga 10 tahun. Walau bagaimanapun, akta ini tidak menyebut secara spesifik mengenai kesalahan berkaitan *love scam*. Seksyen 192B Akta yang sama juga mentakrifkan penipuan sebagai sesuatu yang dikatakan seseorang atau sesuatu yang dilakukan dan boleh dilakukan tentang fakta atau undang-undang dan, seseorang memikirkan dan melaksanakan perbuatan ini untuk mengelirukan seseorang (mangsa) dengan sengaja. Di samping itu, di Australia, perlakuan tidak jujur atau *dishonesty* juga adalah ditentukan dan dinilai oleh sistem juri. Ini adalah berbeza dengan Malaysia dan United Kingdom yang tidak lagi menggunakan sistem juri. Ini merupakan pendekatan berbeza yang digunakan oleh sistem perundangan di setiap negara. Adalah dapat disimpulkan bahawa, meskipun ketiga-ketiga buah negara mempunyai peruntukan mengenai kesalahan penipuan, namun masih belum terdapat peruntukan spesifik mengenai jenayah *love scam* yang dilakukan secara atas talian. Kesalahan-kesalahan penipuan yang diperuntukkan oleh undang-undang sedia ada adalah lebih melibatkan kepada kesalahan yang dilakukan secara terus

kepada manusia dan bukannya melalui medium ketiga seperti Internet atau komputer. Oleh yang demikian, undang-undang sedia ada di Malaysia, Australia dan United Kingdom mengenai jenayah penipuan cinta atas talian masih perlu diperhalusi dan dipinda agar bersesuaian dan seiring dengan arus permodenan zaman.

ISU DAN CABARAN

Antara isu dan cabaran dalam menangani kes *love scam* adalah kesukaran untuk mengenalpasti dalang di sebalik kes-kes jenayah *love scam* terutamanya apabila melibatkan individu yang beroperasi daripada negara asing. Akibat daripada ini, mangsa kes *love scam* mengalami kesukaran untuk mendapatkan semula wang ringgit yang telah hilang dan ditipu memandangkan dalang di sebalik penipuan itu sendiri tidak dapat dikenal pasti dan dikesan. Walaupun pelaku *love scam* dapat dikenal pasti, namun sekiranya mereka berada di luar negara, ia akan menjadi satu cabaran untuk menangkap mereka bagi dibicarakan di negara ini memandangkan prosesnya adalah rumit. Di dalam kes-kes sebegini, ekstradisi perlu dilakukan di mana penjenayah dikembalikan oleh sesebuah negara ke negara tempat jenayah dilakukan atas permintaan negara itu supaya penjenayah tersebut dapat dibicarakan di negara berkenaan. Hal ini demikian kerana, ekstradisi adalah soal undang-undang antarabangsa dan memerlukan kerjasama dua (atau lebih) negara. Ia juga bergantung pada prinsip yang telah dipersetujui melalui undang-undang adat dan perjanjian antarabangsa. Dalam kes di mana Australia adalah negara yang meminta, proses dan kelulusan akan bergantung kepada undang-undang negara ekstradisi. Ini merupakan satu permasalahan yang perlu diambil berat kerana setiap negara mempunyai undang-undang dan proses yang berbeza, dan tidak semua negara akan memberi kerjasama yang baik. Di dalam artikel yang bertajuk "*Sentencing scammers: Law and practice*",

Lorana Bartels bersetuju dengan sentimen ini kerana beliau menyatakan bahawa terdapat sedikit data komprehensif yang tersedia di Australia mengenai amalan pendakwaan dan hukuman berhubung dengan mereka yang disabitkan kesalahan melakukan penipuan.

Selain itu, antara cabaran dan isu yang dihadapi dalam kes *love scam* adalah peningkatan penggunaan teknologi dan media sosial. Di dalam dunia teknologi tanpa sempadan ini, berbagai taktik baru atau helah yang digunakan untuk menipu dan memerangkap mangsa. Kebergantungan manusia terhadap teknologi dalam kehidupan seharian tidak boleh disangkal lagi dan kebergantungan ini sememangnya tidak dapat dielakkan. Kebanyakan urusan harian juga memerlukan manusia untuk berkomunikasi menggunakan teknologi. Para pelaku jenayah *love scam* menggunakan peluang ini untuk memperdaya dan memerangkap masa. Di samping itu, kekurangan kesedaran di kalangan mangsa yang kebanyakannya terdiri daripada golongan wanita juga merupakan satu cabaran terbesar yang dihadapi pada masa kini. Hal ini demikian kerana, meskipun telah banyak kes-kes *love scam* yang dilaporkan namun kes-kes sebegini masih lagi meningkat dan berlaku di negara ini. Kesedaran di kalangan golongan emas dan wanita masih perlu dipertingkatkan. Sebagai contoh, kerajaan atau badan berkaitan boleh melaksanakan kempen untuk mencegah jenayah *scammer* atau *love scam*. Filem-filem atau drama berkaitan *love scam* juga perlu dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran orang awam terhadap bahana *love scam* ini. Taktik-taktik *love scam* ini perlu diterangkan dengan lebih teliti kepada masyarakat supaya mereka dapat menyedari daripada peringkat awal dan dapat mengelakkan diri mereka daripada menjadi mangsa dan ditipu. Apabila mangsa mula menyedari daripada awal bahawa orang yang baru dikenali mereka

menunjukkan ciri-ciri '*too good to be true*' maka mangsa dapat membuat tindakan yang lebih awal dengan menjauhkan diri daripada penipu tersebut.

CADANGAN/PENAMBAHBAIKAN

Pelaksanaan hukuman yang lebih keras dan denda yang lebih berat bagi kesalahan *love scam* wajar dilaksanakan untuk mengurangkan kadar kes *love scam* di negara ini. Di Malaysia, di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan, pesalah bagi jenayah *love scam* boleh dipenjarakan tidak kurang setahun dan maksimum 10 tahun dan sebat serta hendaklah dikenakan denda. Begitu juga dengan Australia di mana pesalah juga boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 10 tahun. Di United Kingdom pula, pesalah akan dikenakan hukuman penjara sekurang-kurangnya enam (6) bulan atau sehingga 10 tahun mengikut jenis kesalahan penipuan yang dilakukan. Ini berbeza dengan Malaysia dan Australia di mana tiada peruntukan-peruntukan spesifik mengikut cara penipuan dilakukan. Namun demikian, adalah dapat dilihat bahawa ketiga-tiga buah negara mengenakan hukuman maksimum selama 10 tahun bagi pesalah *love scam* ini. Amaun denda yang dikenakan juga adalah ringan dan tidak begitu berat berbanding jumlah penipuan yang telah dilakukan serta kerugian yang dialami mangsa. Oleh yang demikian, hukuman penjara yang panjang dan denda maksimum perlu dilaksanakan agar pesalah-pesalah ini dapat mengambil pengajaran atas kesalahan yang dilakukan. Sekiranya hanya hukuman ringan yang dilaksanakan maka tidak mustahil, bakal pesalah yang masih berleluasa tidak takut untuk melakukan kesalahan yang sama memandangkan hukuman yang bakal dihadapi adalah ringan.

Di samping penambahbaikan dari sudut undang-undang, pencegahan dan kesedaran awam turut memainkan peranan paling penting dalam membanteras *love*

scam. Pendidikan terhadap individu mengenai risiko, ciri-ciri amalan penipuan cinta dalam talian juga boleh membantu golongan yang mudah terpengaruh untuk mengenal pasti ciri-ciri *scammer* dan mengelak daripada menjadi mangsa penipuan percintaan. Platform media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* dan lain-lain juga bertanggungjawab untuk memastikan pengguna mereka terdidik dan sedar. *The Australian Competition and Consumer Commission* atau ACCC telah mengesyorkan agar platform temu janji dalam talian melaksanakan algoritma untuk mengesan dan mengalih keluar profil palsu, mewujudkan sistem tapisan dan semakan untuk mengesahkan pengguna dan memberikan tips dan amaran keselamatan untuk mendidik pengguna tentang tanda-tanda profil palsu. Usaha ini sedikit sebanyak dapat membantu mangsa daripada terperangkap dengan penipuan cinta yang kebanyakan menggunakan identiti palsu yang berpuhatawa menarik. Selain itu, pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia juga boleh meneruskan usaha untuk menangkap *scammer* dengan memberi amaran kepada pengguna media sosial atau masyarakat mengenai identiti suspek *love scam*. Sebagai contoh, Jabatan Siasatan Jenayah dan Komersial boleh menyiarkan wajah dan maklumat suspek *love scam* untuk membolehkan orang awam berwaspada dan tidak menjadi mangsa seterusnya. Melalui cara ini, orang awam akan lebih berhati-hati sebelum berkenalan atau membuat pemindahan wang ke akaun suspek. Satu laman web rasmi yang menyenaraikan identiti dan maklumat suspek juga boleh dilaksanakan untuk membolehkan orang awam mengakses maklumat tersebut di hujung jari mereka. Dengan adanya senarai suspek ini, orang awam boleh menyemak terlebih dahulu sekiranya terdapat perhubungan komunikasi yang mencurigakan. Ini dapat membantu mencegah daripada pemindahan wang ke akaun suspek secara melulu.

KESIMPULAN

Jenayah *love scam* merupakan satu fenomena serius yang harus diberi perhatian oleh semua pihak. Hal ini demikian kerana, kes *love scam* ini bukan sahaja menyebabkan mangsa kerugian ratusan ribu ringgit. Namun, ia juga boleh menyumbang kepada masalah jenayah lain yang lebih serius seperti keldai dadah dan sindiket penipuan atas talian secara besar-besaran. Adalah dapat dilihat bahawa undang-undang sedia ada di Malaysia telah memperuntukkan kesalahan *love scam* ini di bawah Kanun Keseksaan. Namun, untuk membolehkan seseorang penjenayah itu didakwa di bawah bidang kuasa Mahkamah Jenayah, elemen penting seperti niat semasa dorongan penipuan tersebut dilakukan haruslah dibuktikan terlebih dahulu oleh pihak pendakwaan. Pertuduhan yang teliti juga perlu dirangka untuk membolehkan pertuduhan diteruskan terhadap suspek. Hal ini demikian kerana, sekiranya elemen niat tidak dapat dibuktikan, maka Mahkamah akan menganggap bahawa tiada elemen penipuan dilakukan oleh pesalahan dan kesalahan ini boleh dibicarakan di bawah Mahkamah sivil dan seterusnya melepaskan suspek. Di samping itu, kesedaran dalam kalangan masyarakat juga perlu ditingkatkan. Langkah pencegahan perlu dilaksanakan secara fizikal dan juga maya memandangkan bukan hanya golongan muda yang menjadi mangsa namun golongan tua turut menjadi mangsa kes *love scam* ini. Kempen kesedaran yang ditularkan di media sosial wajar dilaksanakan secara fizikal juga untuk membolehkan orang awam mendapat akses yang sewajarnya. Ini membolehkan setiap lapisan masyarakat menjadi lebih berwaspada dan berhati-hati terhadap jenayah *love scam* ini. Di samping itu, Malaysia juga boleh mengambil contoh negara Australia dan United Kingdom dengan penubuhan badan-badan pencegahan seperti ScamWatch dan Action Fraud. Badan-badan ini mempunyai laman sesawang mereka sendiri yang

mbolehkan pengguna mengakses maklumat yang ingin diperolehi untuk mengenal pasti maklumat atau info mengenai *love scam* di negara mereka dan membuat aduan pada bila-bila masa. Kesimpulannya, kesemua pihak terutamanya golongan wanita, golongan tua dan golongan mudah terpengaruh lain perlulah bersikap lebih berhati-hati dan tidak mudah terpengaruh dengan janji-janji manis yang ditawarkan oleh *scammer*. Golongan-golongan ini haruslah bersikap bijak menilai dan tidak mudah membuat keputusan terburu-buru sebelum mendapat kepastian. Pihak-pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, institusi perbankan serta badan-badan bebas lain juga memainkan peranan penting dalam membanteras jenayah *love scam* ini.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak dibiayai oleh mana-mana geran.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis-penulis mengakui bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang wujud antara pihak-pihak yang telah terlibat dalam penulisan artikel ini.

SUMBANGAN PENULIS

Setiap penulis telah menyumbang kepada penulisan kandungan artikel ini.

RUJUKAN

- Abidin, Norazlina Zainal, Mohammad Rahim Kamaluddin, Azianura Hani Shaari, Norazura Din, & Saravanan Ramasamy. (2018). Pengetahuan dan amalan perlindungan pengguna Facebook wanita terhadap penipuan cinta di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(4), 113-133.
- Alavi, Khadijah, Maizatul Haizan Mahbob & Mohammad Syahrul Azha Soeed. (2020). Strategi komunikasi penjenayah cinta siber terhadap wanita profesional. *Jurnal Komunikasi*, 36, 296-311.
- Australian Banking Association. (n.d) *Scams*. Retrieved from <https://www.ausbanking.org.au/for-customers/scams/>
- Australian Competition & Consumer Commission, Australian Energy Regulator. (2022). *ACCC and AER Annual Report 2021-22*.
- Bainbridge, D. I. (2004). *Introduction to computer law*. England: Pearson Education.
- Bartels, L. (2012). Sentencing scammers: Law and practice. *Trends and Issues in Crime and Criminal Justice*, (443): 1-7.
- Bernamea. (2024, January 2) Pemasang Jubin rugi RM29,000 terpedaya 'Love Scam'. Retrieved from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemasang-jubin-rugi-rm29000-terperdaya-love-scam-452397>
- Bilz, A., Shepherd, L. A., & Johnson, G. I. (2023). *Tainted Love: A Systematic Review of Online Romance Fraud*. arXiv preprint arXiv:2303.00070.
- Button, M., & Karagiannopoulos, V. (2024). *Preventing fraud and cybercrime in an ageing society*. *Crime, Media, Culture*, Advance online publication.
- Chen, D., Doytshman, R., Momiyama, S., Singh, I., Elovici, Y., & Shabtai, A. (2023). *FRAUDability: Estimating Users' Susceptibility to Financial Fraud Using Adversarial Machine Learning*. arXiv preprint arXiv:2312.01200.
- Elovici, Y., & Shabtai, A. (2023). *Disrupting the scammer lifecycle*. arXiv preprint arXiv:2508.19817.

- Hafidzul Hilmi Mohd Noor. (2023, Mac 29). Love Scam catat 7,286 kes sejak 2018. *Harian Metro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/950996/love-scam-catat-7286-kes-sejak-2018>
- Hamizi, Muhammad Adil Fikri Mohd. (2023). Penggunaan Media Sosial Sebagai Media Baharu dan Impaknya Terhadap Masyarakat Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 15, 24-37.
- Hernandez Aros, L., Bustamante Molano, L. X., Gutierrez-Portela, F., et al. (2024). *Financial fraud detection through the application of machine learning techniques: a literature review*. *Humanities and Social Sciences Communications*, 11(1).
- Hridaya Ranjan Prasad Verma v. State of Bihar [2000] 4 SCC 168
- Jones, H. S. 2024, February 9) *Government warns against ruthless romance scammers this Valentines Day*. Retrieved from <https://www.accc.gov.au/media-release/accc-welcomes-funding-to-establish-national-anti-scam-centre>
- Kayser, C. S., Back, S., & Toro-Alvarez, M. M. (2024). *Identity Theft: The Importance of Prosecuting on Behalf of Victims*. *Laws*, 13(6), 68.
- Liew Min Poh v. PP [1962] MC 316
- Lloyds Bank. (2023). *Romance Scams rose by a fifth in 2023*. Retrieved from <https://www.lloydsbankinggroup.com/assets/pdfs/media/press-releases/2024-press-releases/lloyds-bank/2024.02.02-romance-scams-rose-by-a-fifth.pdf>
- Maguire, A. (2021, April 27). *What is extradition and how does it work?* Retrieved from <https://www.newcastle.edu.au/hippocampus/story/2021/what-is-extradition>
- Majlis Keselamatan Negara. (2024). *Rm42 juta kerugian angkara scammer*. Retrieved from [4/01/30/rm42-juta-kerugian-angkara-scammer/](https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/01/30/rm42-juta-kerugian-angkara-scammer/)
- Manap, Nazura, and Anita Rahim. (2002). Permasalahan Frod/Penipuan dan Komputer: Sejauhmanakah Penyelesaiannya. *Malayan Law Journal IIX*, (1).
- Masip, J., Garrido, E., & Herrero, C. (2004). The nonverbal approach to the detection of deception: judgemental accuracy. *Psychology in Spain*, 8(1), 48-59.
- Mohd Jalani Saliman & Anor v. Public Prosecutor [1997] 3 MLRH 701
- Most rape victims know their suspects through social media, police investigations revealed. (2022, August 7) *Sinar Daily*. Retrieved from https://www.sinardaily.my/article/177849/focus/national/most-rape-victims-know-their-suspects-through-social-media-police-investigations-revealed#google_vignette
- PP v Maria Elvira Pinto Exposto [2017] MLRHU 1833
- Ratanlal Ranchhoddas, Dhirajlal Keshavlal Thakore, V. R. Manohar, Avtar Singh, O. P. Srivastava. (2011). *Ratanlal & Dhirajlal's the Indian Penal Code (Act XLV of 1860)*, India: LexisNexis Butterworth.
- Tech for Good Institute. (2024). *State of Scam Report 2024: Spotlight on Malaysia*. Retrieved from <https://techforgoodinstitute.org>
- Yusoff, Sakina Shaik Ahmad, & Azimon Abdul Aziz. (2003). *Mengenal undang-undang kontrak Malaysia*. Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Zhang, C. J., Gill, A. Q., Liu, B., & Anwar, M. J. (2025). *AI-based Identity Fraud Detection: A Systematic Review*. arXiv preprint arXiv:2501.09239.